

DISIPLIN UKUR BAHAN

[F5]

KOMPETENSI  
PENOLONG PENGURUS  
PERTIKAIAN KONTRAK KERJA



P  
I  
A  
W  
A  
I  
A  
N

KERANGKA

**PENSIJILAN**

PELAKSANA

**2024**



**KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN KRITERIA PRESTASI**

**BIDANG KOMPETENSI** : **PENOLONG PENGURUS PERTIKAIAN KONTRAK  
KERJA**  
**TAHAP** : **TAHAP 2 - ASAS**

Calon hendaklah mempunyai kompetensi dalam menguruskan tuntutan dalam kontrak kerja Kerajaan di sepanjang berkhidmat sebagai Penolong Juruukur Bahan sebelum memohon untuk menyertai program Pensijilan Pengurus Pertikaian Kontrak Kerja.

A. Ciri-ciri kekompetenan yang perlu dimiliki adalah seperti berikut:

- i) Berkemampuan memberi khidmat nasihat berkaitan proses tuntutan selaras dengan syarat-syarat kontrak kerja Kerajaan;
- ii) Berkemahiran dalam menilai, menyediakan laporan dan menguruskan tuntutan dalam kontrak kerja Kerajaan;
- iii) Mengenalpasti masalah dan berkebolehan menangani masalah berkaitan tuntutan kontrak kerja Kerajaan;
- iv) Berkebolehan menjalankan tugas tanpa pengawasan; dan
- v) Berkebolehan untuk membentang dan menjustifikasi penilaian tuntutan.

B. Skop pengetahuan bagi tahap-tahap pensijilan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- Pada tahap ini, calon akan didedahkan dengan tatakelola penyelesaian pertikaian alternatif seperti pengantaraan, adjudikasi, timbang tara dan litigasi.
- Calon berkemampuan untuk memberi khidmat nasihat berkaitan prosedur untuk penyelesaian pertikaian di luar kontrak kerja Kerajaan.